

# Sambutan Hari Keluarga Palapes Meriah

Oleh: Safiah Masbaka



Antara meraka yang menyertai Hari Keluarga PALAPES di Air Terjun Kionsom.

SABTU, 23 MAC - Seramai 45 orang mahasiswa tahun dua yang juga merupakan anggota Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Darat UMS peringkat intermediate telah mengadakan sambutan hari keluarga kali ke-3 di Kionsom.

Matlamat program untuk mengukuhkan silaturahim yang terjalin sesama kadet di samping meraikan tamatnya latihan *intermediate* fasa ujian dan fasa medan akhir semester lepas.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah sukaneka air dan darat, cabutan bertuah, kuiz pengetahuan ketenteraan, dan kuiz pengetahuan am.

Pengarah program, PK Laowama Yrilis berkata sambutan kali ini menampilkan kelainan berbanding hari keluarga sebelumnya dari segi aktiviti dan pengisian.

“Biasanya kekuatan fizikal dan mental kadet sahaja diuji melalui sukaneka. Kali ini, kami sebulat suara mengadakan kuiz untuk menguji kepekaan kadet kepada isu-isu semasa,” kata beliau.

Beliau turut berharap agar pelajar sentiasa bergiat aktif dan melibatkan diri dalam apa jua aktiviti luar kampus kerana aktiviti sebegini akan memupuk semangat kerjasama, menyihatkan tubuh badan, menambahkan pengalaman, dan mengukuhkan rangkaian sosial.